



FWD Payor Rider

Get ready to live
fwd.com.my | 1 300 13 7988

FWD
takaful

FWD Payor Rider

Melindungi insan yang tersayang merupakan sesuatu yang murni, tetapi menyempurnakan janji anda untuk melindungi mereka adalah lebih luhur.

Jika anda memikirkan pelan Takaful, anda sudah pun mengetahui kepentingan untuk melindungi insan yang anda sayangi dan menyimpan untuk masa hadapan mereka. Perlindungan Takaful menyediakan jaminan kewangan jika sesuatu yang tidak diingini berlaku terhadap insan yang tersayang.

Manakala jika sesuatu yang tidak diingini berlaku kepada anda sebagai pembayar, ini boleh menjejaskan perlindungan dan simpanan yang telah dirancang. Oleh itu, anda perlu pastikan perlindungan yang tepat diambil apabila merancang untuk melindungi pasangan atau anak-anak di bawah tanggungan anda.

Kami menyedari anda ingin berasa yakin bahawa tanggungan anda tidak kehilangan perlindungan atau perancangan simpanan mereka terjejas sekiranya perkara yang tidak dijangka berlaku kepada anda.

FWD Payor Rider menawarkan cara yang ekonomik lagi bijak untuk melindungi diri anda. Ini bermakna apabila anda menyertai pelan takaful daripada FWD untuk melindungi insan yang tersayang, anda juga boleh menyertai rider ini untuk melindungi diri anda.

Manfaat anda sepintas lalu

Manfaat-manfaat berikut dibayar daripada dana risiko peserta anda.



Manfaat pengecualian sumbangan

Kami akan mengecualikan semua sumbangan berkala yang perlu dibayar dibawah sijil anda selepas anda:

- meninggal dunia; atau
- mengalami hilang upaya penuh dan kekal; atau
- didiagnosis dengan penyakit kritikal, dan hidup 30 hari selepas diagnosis penyakit kritikal tersebut.



Manfaat Badal Haji

Kami akan mengatur dan membayar Badal Haji untuk anda (pemilik sijil) jika anda meninggal dunia tanpa melakukan Haji sepanjang masa hayat anda. Bagi yang bukan beragama Islam, kami akan membayar RM2,000 sebagai manfaat sekali gus (lump sum).



Manfaat kaunseling kesedihan

Kami akan mengatur dan membayar sehingga 10 sesi kaunseling kesedihan untuk keluarga terdekat anda jika anda meninggal dunia. Kami akan bayar sehingga jumlahnya mencapai RM2,000.



Manfaat khidmat guaman

Kami akan mengatur dan membayar sehingga 3 sesi kaunseling undang-undang seperti yang dinasihatkan oleh pentadbir atau wasi anda jika anda meninggal dunia. Kami akan bayar sehingga jumlahnya mencapai RM2,000.

Bagaimana rider ini berfungsi?

Rider ini menyediakan manfaat perlindungan berikut. Manfaat ini disediakan sebagai tambahan kepada manfaat sijil anda, dan anda perlu membayar sumbangan yang berasingan untuk memastikan perlindungan ini berkuatkuasa.

Kami akan mengecualikan semua sumbangan kontraktual yang perlu dibayar di bawah sijil anda (bukan sebarang sumbangan rider lain atau sumbangan tambahan) dari tarikh kami meluluskan tuntutan, sehingga tarikh luput rider, jika anda:

- meninggal dunia; atau
- mengalami hilang upaya penuh dan kekal; atau
- didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

Keadaan penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini:

- | | |
|--|---|
| 1. Serangan jantung | 20. Kegagalan buah pinggang |
| 2. Penyakit Alzheimer atau demensia yang teruk | 21. Kehilangan upaya untuk berdikari |
| 3. Meningitis bakteria | 22. Menjadi bisu |
| 4. Tumor otak benigna | 23. Kecederaan kepala teruk |
| 5. Kebutaan | 24. Pemindahan organ utama atau sumsum tulang |
| 6. Pembedahan otak | 25. Penyakit neuron motor |
| 7. Kanser | 26. Sklerosis berbilang |
| 8. Kardiomiopati | 27. Distrofi otot (lebih daripada umur 11 sahaja) |
| 9. Anemia aplastik kronik | 28. Lumpuh anggota badan |
| 10. Koma | 29. Penyakit parkinson |
| 11. Pembedahan pintasan arteri koronari | 30. Hipertensi arteri primer pulmonari |
| 12. Pekak | 31. Penyakit arteri koronari serius |
| 13. Ensefalitis | 32. Strok |
| 14. Kegagalan hati peringkat akhir | 33. Pembedahan aorta |
| 15. Penyakit paru-paru peringkat akhir | 34. Sistemik Lupus Erythematosus dengan komplikasi buah pinggang yang teruk |
| 16. AIDS penuh | 35. Penyakit terminal |
| 17. Virus hepatitis fulminan | 36. Lecur tahap tiga |
| 18. Pembedahan injap jantung | |
| 19. Jangkitan HIV akibat pemindahan darah | |

Perkara penting yang anda perlu tahu

Bila kami tidak akan membayar sebarang manfaat

Di FWD, kami tidak percaya dengan senarai klausa yang panjang lagi tersembunyi yang menghalang kami daripada membayar manfaat kepada anda. Jadi kami telah meringkaskan senarai pengecualian kami kepada 3 kriteria:

Bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah rider ini jika tuntutan yang dibuat berlaku:

- akibat daripada bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri oleh orang dilindungi; dan
- dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula rider anda atau, dari tarikh rider anda dihidupkan semula.

Ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental orang dilindungi. Jika perkara di atas terjadi, rider akan dibatalkan.

Tindakan menyalahi undang-undang

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah rider ini jika tuntutan timbul kerana anda atau orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang.

Peperangan

Kami tidak membayar sebarang manfaat di bawah rider ini jika tuntutan adalah hasil daripada tindakan perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang sama.

Bagaimana kami memastikan ia adalah patuh Syariah

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah wakalah, dan dipantau oleh jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah satu skim saling bantu-membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk membantu sama lain dari segi kewangan jika salah seorang daripada anda mengalami kerugian tertentu.

2. Sumbangan yang anda bayar untuk perlindungan di bawah sijil anda adalah tertakluk kepada yuran wakalah.



Wakalah adalah perlantikan oleh satu pihak kepada yang lain untuk bertindak bagi pihaknya.

3. Kami membayar sumbangan anda, ditolak yuran wakalah, ke dalam dana risiko peserta (PRF) kami sebagai tabarru'. Dana di dalam PRF akan digunakan untuk membayar manfaat kepada pihak menuntut yang berhak mendapat manfaat berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan tolong-menolong di kalangan peserta; dan
- tertakluk kepada semua terma dan syarat dalam rider ini.



Tabarru' adalah derma bagi tujuan takaful.

4. Sekiranya PRF menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menerima pampasan 50% daripada lebih sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada peserta.



Jika nilai PRF tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, maka kami akan membayar Qard yang merupakan pinjaman kebajikan tanpa faedah kepada PRF.

Jika anda tidak membayar sumbangan anda yang perlu dibayar

Anda perlu membayar sumbangan rider bersama-sama dengan sumbangan pelan asas mengikut tarikh yang perlu dibayar. Kami memberi tempoh tangguh selama 60 hari untuk bayar.

- Jika pelan asas tidak mempunyai akaun simpanan peserta dan jika anda belum membayar jumlah sumbangan penuh yang perlu dibayar, kedua-dua pelan asas dan rider anda akan tamat selepas tempoh tangguh.
- Jika pelan asas anda mempunyai akaun simpanan peserta maka kami akan menolak jumlah tabarru' yang perlu dibayar selepas tempoh Tangguh daripada akaun tersebut.

Jika anda tidak mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun simpanan peserta anda untuk membayar tabarru' rider dan sijil anda, kedua-dua pelan asas dan perlindungan rider anda akan tamat.

Perkara penting yang anda perlu tahu

Jika anda berubah fikiran

Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda, dan anda belum membuat tuntutan di bawahnya, anda mempunyai 15 hari dari tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda, ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada).

Manfaat matang atau penamatan

Tiada manfaat matang atau penamatan akan dibayar daripada dana risiko peserta.

Kelayakan untuk penyertaan begitu mudah

Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap
Syarat kelayakan umur orang dilindungi:

Orang utama	Umur yang melayakkan anda memohon untuk perlindungan	Umur tamat perlindungan
Orang dilindungi	Haruslah berumur antara 17 hingga 65 tahun.	Sehingga umur 80*

*Bergantung kepada tempoh matang pelan asas yang dipilih, tertakluk kepada tempoh minimum sijil 5 tahun

Nota:

- Umur merujuk umur hari lahir berikutnya
- Tempoh perlindungan maksimum untuk manfaat kematian di bawah rider ini adalah sehingga umur 80 tahun, dan bagi perlindungan hilang upaya penuh dan kekal dan penyakit kritikal, ia adalah sehingga umur 75 tahun.

Berapa caj wakalah pendahuluan yang perlu dibayar

Tahun sijil	1	2	3	4	5-10	11+
*Wakalah%	70%	55%	55%	40%	25%	10%

*Caj ini berdasarkan rider dengan tempoh pembayaran sumbangan 20 tahun atau lebih. Untuk tempoh pembayaran sumbangan yang lebih pendek, caj yang lebih rendah akan dikenakan.

Tempoh perlindungan

Minimum – 5 tahun

Maksimum – apabila orang dilindungi mencapai umur 80 (hari lahir berikutnya)

Berapa yang anda sumbangkan

Sumbangan anda bergantung kepada kriteria berikut untuk semua ahli keluarga yang dilindungi di bawah sijil ini:

Umur	Jantina
Pekerjaan	Jumlah perlindungan
Kekerapan bayaran	Tempoh perlindungan
Status perokok	Status kesihatan

Tempoh pembayaran bagi rider adalah sama dengan baki tempoh pembayaran bagi pelan asas.

Nota Penting

1. Risalah ini tidak membentuk kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat lengkap dinyatakan dalam dokumen sijil.
2. FWD Payor Rider bukanlah produk simpanan atau pelaburan. Anda tidak akan menerima apa-apa wang dari sijil ini selain daripada manfaat yang dilindungi.
3. Anda layak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
4. Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran, caj dan butiran lain, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang dikeluarkan oleh ejen kami.

Tentang FWD


Ditubuhkan pada tahun 2013, FWD ialah cabang perniagaan insurans kumpulan pelaburan, Pacific Century Group. Hari ini, FWD merentasi sembilan pasaran di Asia dan salah satu syarikat insurans yang paling pesat berkembang di rantau ini.

FWD memberi tumpuan dalam mewujudkan pengalaman pelanggan baru dengan produk-produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital.

Melalui pendekatan berteraskan pelanggan, FWD berhasrat untuk menjadi syarikat insurans pan-Asia terkemuka yang mengubah perspektif pelanggan terhadap insurans.

FWD Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M)
Tingkat 29 Menara Shell, 211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

fwd.com.my | 1 300 13 7988

Semua maklumat adalah tepat semasa cetakan pada April 2019.

AHLI

